

KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI UNTUK KEMANUSIAAN
ENGINEERING AND TECHNOLOGY FOR HUMANITY

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP
Pegawai-pegawai Utama Universiti
Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP
Seterusnya warga UniMAP yang saya sayangi sekalian.

ALUAN KATA

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis Syarahan 100 hari Naib Canselor pada pagi ini.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga UniMAP yang meluangkan masa pagi ini untuk mendengar syarahan ini. Kehadiran semua Tuan-tuan dan Puan-puan pagi ini, saya terjemahkan sebagai sokongan dan hasrat untuk bersama-sama saya untuk terus mencemerlangkan UniMAP.

3. Lebih 100 hari yang lalu saya telah menerima surat pelantikan sebagai Naib Canselor UniMAP yang ke-3. Dalam beberapa majlis dan platform yang tertentu, saya telah berkesempatan berkongsi perasaan saya tentang pelantikan ini, dan ramai juga yang telah saya maklumi bahawa saya tidak memohon untuk jawatan ini. Walau bagaimanapun, apabila dilantik, saya menerimanya dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan mereka yang menyokong pelantikan saya ini.

4. Lantikan saya ialah daripada 15 Mei 2019 sehingga 14 Mei 2022. Dalam tempoh tersebut, saya mengajak Tuan-tuan dan Puan-puan untuk bersama-sama saya memperkasakan UniMAP yang kita sayangi ini. Sebagai perlambangan kepada usaha memperkasakan UniMAP, saya telah mula menggunakan cogan kata “Kejuruteraan dan Teknologi untuk Kemanusiaan” (*Engineering and Technology for Humanity*).

PENERANGAN COGANKATA

5. Saya memilih untuk menggunakan cogan kata tersebut berdasarkan kerangka *quadruple helix*. Kerangka ini meletakkan universiti sebagai pemain utama dalam kolaborasi berasaskan inovasi, bersama-sama dengan pihak kerajaan, industri dan masyarakat sivil. Melalui pendekatan ini, UniMAP mempunyai hubungan yang amat intim dengan ketiga-tiga pihak yang saya sebutkan

sebentar tadi dalam memenuhi tanggungjawab yang amat besar dalam pembangunan negara.

6. Saya memilih untuk mendasari operasi UniMAP berdasarkan kerangka ini kerana ilmu dan inovasi yang terhasil dari aktiviti keserjanaan di UniMAP perlu digunakan untuk manfaat kepada ketiga-tiga pihak yang saya sebutkan tadi, selain universiti ini sendiri. Apalah erti keserjanaan jika hasilnya semata-mata untuk kita melaungkan kedudukan kita pada mata dunia, atau untuk diletak di atas rak di perpustakaan, atau dipamerkan dalam media sosial, atau untuk menebalkan CV kita, walhal kecemerlangan keserjanaan tersebut sepatutnya **juga** dimanfaatkan sebaiknya untuk kesejahteraan masyarakat. Perlu ada perspektif yang seimbang dalam hal ini.
7. Usaha perlu kita laksanakan bersama-sama untuk merapatkan jurang yang ada antara inovasi yang dihasilkan oleh UniMAP dan kegunaannya kepada masyarakat. Pendekatan ini meletakkan keutamaan kepada tanggungjawab staf universiti terhadap masyarakat.
8. Bagi staf akademik, ia adalah tambahan kepada peranan berkaitan pengajaran dan pembelajaran, dan penyelidikan. Bagi staf pentadbiran, ia adalah tambahan juga kepada perkara yang tertulis dalam fail meja masing-masing. Pendekatan ini juga mengiktiraf bahawa dalam kalangan masyarakat, terdapat ilmu tempatan (*indigenous knowledge*) yang boleh diperkembangkan

selanjutnya oleh universiti dan pemain utama lain, demi kemajuan masyarakat setempat.

9. Justeru saya mengajak semua rakan-rakan staf UniMAP untuk berpegang kepada cogan kata ini dalam pelaksanaan tugas kita seharian. InsyaAllah, jika kita meletakkan fokus kepada hasrat ini, kita akan dapat melihat hasilnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Sebagai manifestasi kepada cogan kata tersebut, izinkan saya berkongsi harapan dan perancangan dengan tuan-tuan dan puan-puan, sebagai Naib Canselor UniMAP yang baharu. Saya akan menzahirkan pengharapan tersebut berdasarkan isu-isu yang perlu ditangani segera, yang saya perolehi berdasarkan pemerhatian saya sendiri serta makluman oleh pihak-pihak tertentu dalam kerangka pengurusan dan pentadbiran universiti. Tidak lupa juga isu-isu dan cadangan penyelesaian yang tuan-tuan dan puan-puan berikan melalui survei Naib Canselor baru-baru ini. Terima kasih saya ucapkan.
11. Pendekatan kepimpinan yang akan saya ambil dalam tempoh pelantikan ini adalah saya bersedia dan terbuka untuk mendengar pandangan daripada semua pihak tanpa mengira jawatan ataupun pangkat. Saya akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu terlebih dahulu untuk mendapatkan pandangan dan persetujuan sebelum sebarang keputusan penting dibuat.

Untuk makluman semua, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) diadakan seminggu sekali bagi memastikan segala keputusan dibuat secara kolektif dan bukan oleh saya seorang sahaja. Dengan cara ini juga, keputusan dapat dibuat dengan cepat bagi memastikan ketelusan dan kelicinan pentadbiran universiti ini. Selain itu, segala dasar dan inisiatif yang baik oleh pemimpin-pemimpin sebelum ini akan diteruskan dan ditambah baik dari masa ke semasa.

12. Sehubungan itu, izinkan saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada kedua-dua mantan Naib Canselor UniMAP. Terima kasih kepada Datuk Prof Emeritus Dr Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP yang pertama. Semenjak penubuhan KUKUM, dan kemudian UniMAP, beliau telah mengetuai universiti ini dalam usaha peletakan asas dan pengembangan universiti sehingga Februari 2016. Bukanlah sesuatu yang mudah untuk membangunkan sebuah institusi pengajian tinggi sehinggalah kini ia dirujuk banyak pihak, terutama industri tempatan dan luar negara. Saya fikir ini adalah hasil daripada usaha pembinaan asas yang begitu gigih oleh Datuk Kamarudin dan pasukannya ketika itu, dengan bilangan pelajar hanya 116 orang sahaja.

13. Juga terima kasih saya kepada Dato' Prof Zul Azhar Zahid Jamal, Naib Canselor UniMAP ke-2, yang meneruskan usaha tersebut secara konsisten dan mengukuhkan lagi kedudukan UniMAP serta memastikan keterlihatan universiti pada mata dunia. Antara mercu usaha tersebut termasuklah kejayaan UniMAP

memperolehi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) - Lima Bintang bagi Audit QS Stars untuk tempoh 2019-2021 dan disenaraikan dalam 500 universiti terbaik menerusi QS World University Ranking by Subject bagi bidang Kejuruteraan dan Teknologi bagi tahun 2017. Semoga Allah membalas jasa mereka dan semoga mereka berada dalam perlindungannya selalu.

14. Cadangan penyelesaian kepada isu-isu yang akan saya perincikan pada pagi ini adalah usaha penambahbaikan berterusan bagi inisiatif yang telah dimulakan oleh Naib-Naib Canselor terdahulu. InsyaAllah, dengan izinnya, isu-isu ini akan ditangani supaya UniMAP dapat bergerak ke hadapan untuk kesejahteraan hidup kita semua.
15. Pertama sekali saya akan menyentuh tentang aspek pembangunan pelajar, diikuti oleh pemerksaan staf dan akhir sekali keperluan ataupun prasyarat kepada kejayaan kedua-dua aspek tersebut.

PEMBANGUNAN PELAJAR

16. Menyentuh tentang pembangunan pelajar di UniMAP, ada beberapa isu yang perlu ditangani dengan sebaik dan secepat mungkin untuk memastikan masa mereka di UniMAP dioptimumkan dan potensi mereka diperkembangkan.

17. Apabila sidang Dewan Rakyat meluluskan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang akan membolehkan mahasiswa terlibat dengan aktiviti parti politik di dalam kampus, ia memberi kesan yang besar terhadap bagaimana pelajar boleh “membawa diri” mereka sewaktu di kampus. Pada asasnya, pemansuhan peruntukan Seksyen 15(2)(c) AUKU 1971 tersebut memberi kebebasan kepada para pelajar, iaitu kebebasan yang datang bersama-sama tanggungjawab.
18. Persoalannya sekarang, apakah peluang yang kita bekalkan kepada para mahasiswa UniMAP untuk memastikan mereka pandai membawa diri dan mengamalkan kebebasan yang diberikan tersebut? Sebagai respons permulaan kepada hal ini, mulai mesyuarat senat pada petang ini, iaitu Mesyuarat Senat kali ke-92, Bilangan 4 bagi tahun 2019 dan akan datang, dua orang wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar akan dijemput hadir sebagai ahli tetap Mesyuarat Senat yang diko-opt selama setahun. Untuk makluman semua, UniMAP merupakan universiti yang kedua mengambil langkah berani ini selepas Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
19. Hal ini bermakna, wakil pelajar akan terlibat secara terus dalam soal governans universiti. Keterlibatan ini penting atas faktor-faktor berikut:
 - i. wakil pelajar membawa pandangan dan isu-isu para pelajar yang perlu ditangani oleh pengurusan universiti

- ii. memelihara ketelusan dalam pembuatan keputusan, dan memastikan terdapat “*buy-in*” oleh para pelajar bagi keputusan yang dibuat
- iii. memberi latihan kepimpinan kepada para pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia di luar kampus.

20. Kebebasan yang diberi melalui pindaan AUKU tersebut bukanlah terhad kepada aktiviti berpolitik yang menggambarkan dunia politik “kerajaan lawan pembangkang” seperti yang berlaku di luar kampus. Implikasinya adalah lebih luas. Pindaan tersebut sekaligus mengiktiraf peranan pelajar sebagai pemberi input, dan agen semak dan imbang ke arah manfaat semua di universiti ini. Kebebasan ini memberi ruang kepada wakil pelajar untuk menyatakan yang hak dan menyanggah perkara yang batil. Ia juga menjadi testimoni bahawa UniMAP sebuah universiti yang telus dan dapat membuat keputusan yang adil dan saksama.

21. Dalam konteks sedemikian, ada beberapa perkara yang perlu ditambah baik untuk memastikan pindaan tersebut mencapai hasratnya:

- i. Ekosistem kampus perlu disemak semula supaya pengalaman kampus dan pembelajaran pelajar berjaya mempersiapkan mereka untuk menjadi ahli masyarakat yang aktif
- ii. kebebasan yang diberi mesti diterjemahkan kepada tindakan yang berasaskan nilai-nilai murni kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati
- iii. kebebasan berpolitik digunakan oleh mahasiswa untuk

mempelopori dan mempraktikkan model politik yang berteraskan ilmu dan integriti.

22. Salah satu kaedah atau instrumen yang sedia ada dalam sistem pembelajaran di UniMAP yang boleh digunakan untuk tujuan yang baru saya sebutkan ini ialah program Tujuh Teras (*Seven Pillars*). Program ini perlu distrukturkan dengan lebih baik dan kandungannya perlu berasaskan objektif yang jelas. Saya tidak mahu melihat program-program yang bersifat melepaskan batok di tepi tangga. Program-program yang dilaksanakan perlu berbentuk “oleh pelajar, untuk pelajar” dan berteraskan nilai-nilai murni, sejajar dengan pendidikan sivik yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini.
23. Kesatuan Pelajar, atau apa yang dipopularkan sebagai *Students' Union*, adalah sebahagian daripada aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap perjalanan reformasi institusi pendidikan tinggi. Selain pemansuhan AUKU, pengembalian kuasa pelajar untuk menguruskan Pilihan Raya Kampus mereka sendiri, dan pengembalian hak kebebasan bersuara serta kebebasan pelajar untuk menyertai mana-mana parti politik, mewarnakan kehidupan aktivisme mahasiswa melalui penubuhan Kesatuan Pelajar. Justeru aspirasi ini sangat penting untuk diterjemahkan kepada pelaksanaan.
24. Kesatuan Pelajar juga penting sebagai nadi ekosistem universiti bagi melahirkan graduan yang

dewasa, matang, berdikari, dan yang paling penting, bersedia untuk mengemudi perubahan. Di Amerika Syarikat, “Students’ Union” didefinisikan sebagai bangunan yang digunakan untuk aktiviti sosial pelajar, manakala di Britain pula, ia merujuk kepada pertubuhan pelajar di kolej atau universiti.

25. Walau bagaimanapun, kedua-duanya bermula daripada pokok pangkal yang sama; iaitu idea aktivisme pelajar, di mana kedudukan pelajar diangkat dan mereka diiktiraf sebagai pemegang taruh dan pembuat polisi daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besar perkara. Kemeriahan terma “Students’ Union” ini menunjukkan bahawa kehidupan pelajar di universiti tidak sepatutnya hanya terpenjara di sekitar sijil, pointer, tugas, atau apa yang disebut sebagai 3K: kuliah, kafe dan katil.
26. Kita semua perlu faham bahawa universiti bukanlah versi dewasa bagi alam sekolah, tetapi sebaliknya ialah versi mini bagi dunia di luar kampus. Justeru para pelajar perlu dipersiapkan untuk menghadapi dunia tersebut. Beri mereka kebebasan untuk menggunakan kreativiti, jaringan, sumber dan kemahiran untuk melaksanakan aktiviti. Mungkin ada dalam kalangan kita yang berpendapat bahawa pelajar UniMAP belum lagi bersedia atau cukup matang untuk diberi kebebasan seperti ini.
27. Pada pandangan saya, kita perlu memulakan inisiatif pemerksaan ini. Pada peringkat permulaan, kita juga perlu bertoleransi terhadap kesilapan yang mungkin

mereka lakukan kerana dalam kesilapan itu, ada hikmah dan nilai pembelajarannya. Tetapi saya yakin, InsyaAllah usaha ini akan mendatangkan hasilnya. Kita perlu buang jauh-jauh prasangka dan kebimbangan yang tiada akhirnya, dan biarkan proses pembelajaran tersebut berlaku. Kepada para pelajar pula, keyakinan yang diberi perlulah dijunjung sebaiknya dan tidak disalah gunakan.

28. Dalam aspek interaksi seharian, samada antara pelajar, antara staf, mahupun antara pelajar dan staf, saya mahu semua warga UniMAP benar-benar menghayati keperluan untuk saling hormat-menghormati dan memelihara adab dalam berbicara dan perlakuan. Salah satu daya penarik pelajar ke UniMAP, samada pelajar tempatan mahupun pelajar antarabangsa ialah, cara kita sebagai tuan rumah memberi layanan kepada mereka. Saya fikir ini ialah soal adab yang sepatutnya merentas pelbagai konteks kehidupan yang tidak perlu diperingatkan lagi. Tetapi apabila saya mendengar dan mendapat input daripada kalangan pelajar antarabangsa yang ada di universiti kita sekarang, gambaran yang saya terima adalah sebaliknya.

29. Justeru, saya ingin meminta semua staf UniMAP memastikan bahawa kita santuni semua pelajar di UniMAP dengan penuh adab dan tata susila sebagaimana kita sendiri mahu disantuni apabila kita berada di tempat yang baru dan jauh daripada keluarga. Kita sayangi mereka, mereka juga akan kembali menyayangi UniMAP, walaupun mereka telah tamat pengajian dan memegang gelaran alumni UniMAP.

30. Berkaitan Alumni pula, saya maklum bahawa usaha sedang dibuat untuk memastikan UniMAP mempunyai jaringan alumni yang mantap seperti penubuhan *Chapter Alumni UniMAP* dan sebagainya. Saya mohon usaha dimantapkan lagi dan pembabitan mereka dengan UniMAP adalah bersifat substantif dan menyumbang kepada UniMAP termasuklah dalam aspek pengukuhan akademik. Antara peranan tersebut termasuklah alumni sebagai mentor dan *role model* bagi pelajar, memberi sumbangan kepada kurikulum universiti berdasarkan pengalaman sebagai pelajar dan dalam alam pekerjaan, dan sumbangan dana serta kegiatan filantropi.
31. Apa yang penting adalah usaha mendekatkan jaringan alumni dengan UniMAP perlu dibuat secara terancang dan berstruktur. Dalam hal ini, kita perlu melihat UniMAP sebagai jenama, dan semua alumni ialah duta kepada jenama ini. Justeru, untuk memastikan jenama UniMAP segar dan berkembang, penting untuk kita meningkatkan usaha ke arah hasrat tersebut. Soalan utama yang perlu ditanya sekarang:
- i. Apakah medium utama yang digunakan oleh UniMAP untuk berhubung dengan alumni? Media sosial? Buletin bercetak?
 - ii. Berapa kerapkah kita berhubung dengan alumni?
 - iii. Apabila kita berhubung dengan alumni, adakah kita menyampaikan berita tentang UniMAP kepada

mereka? Apakah bentuk berita yang disampaikan?

- iv. Bagaimanakah kita menarik minat Alumni untuk kembali menyumbang kepada UniMAP? Adakah usaha ini dibuat hanya selepas mereka meninggalkan universiti, atau kita cuba tanamkan kepentingan tersebut sejak mereka masih belajar di universiti?

32. Jawapan kepada soalan-soalan ini akan boleh membantu UniMAP untuk menstruktur perancangan untuk alumni “kembali ke UniMAP”. Mungkin wajar difikirkan keperluan untuk mewujudkan “Pasukan Perhubungan Alumni UniMAP” sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap komunikasi UniMAP dengan bekas pelajar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

PEMERKASAAN STAF

33. Dalam mana-mana organisasi, aset paling penting ialah sumber manusia. Sehingga 30 Jun 2019, UniMAP mempunyai 1070 orang staf akademik, dan 979 orang staf bukan akademik. Sebagaimana UniMAP mengharapkan yang terbaik daripada warga UniMAP melalui kapasiti dan kemahiran yang mereka miliki, begitu jugalah saya yakin staf mengharapkan kepuasan kerja dan keinginan terhadap pengiktirafan bagi tugas yang mereka laksanakan. Hal ini berkait dengan sifat semula jadi dan naluri manusia, dan saya faham bahawa pengharapan tersebut perlu dipenuhi oleh universiti.

34. Walau bagaimanapun, saya mengambil maklum

bahawa terdapat beberapa cabaran atau halangan berkaitan pengurusan sumber manusia pada waktu ini yang perlu diselesaikan dengan segera. Antara masalah tersebut ialah berkaitan pengurusan prestasi dan permohonan kenaikan pangkat, penempatan staf dan tempoh penempatan yang berkaitan.

35. Saya memandang serius akan hal ini kerana ia melibatkan semangat dan motivasi kerja, serta maruah dan harga diri seseorang staf itu. Selain daripada aspek kemanusiaan, kegagalan menangani isu yang timbul akan membawa kepada kerugian kepada UniMAP, dari segi kualiti kerja dan juga mungkin kehilangan staf tersebut sendiri. Kewujudan masalah yang ada sekarang juga tidak selari dengan lonjakan yang berkaitan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (PT) 2015-2025, iaitu *Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat*, dan *Lonjakan 6: Pemantapan Tadbir Urus*.

36. Justeru, suka saya maklumkan di sini bahawa saya telah meminta Tuan Pendaftar untuk memastikan semua temuduga dan proses berkaitan yang tertunggak disegerakan. Pada masa yang sama, sebagai menyahut saranan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada awal tahun ini, proses penilaian kenaikan pangkat akan disingkat dan dipermudahkan melalui permohonan dan penilaian secara atas talian. Staf turut dapat mengetahui status permohonan mereka memandangkan sistem tersebut akan dapat diakses oleh semua pemohon.

37. Selain itu, kriteria kenaikan pangkat akan disemak semula supaya penilaian lebih objektif dan telus. Komitmen saya, mana-mana staf yang memenuhi syarat yang ditetapkan dan layak, mereka akan dapat kenaikan tersebut tanpa pilih kasih. InsyaAllah kriteria baru ini kita cuba mula laksanakan mulai tahun hadapan.
38. Satu lagi pengumuman penting pada pagi ini adalah, saya ingin mencadangkan kepada Tuan Pendaftar agar tiada lagi proses temuduga untuk kenaikan pangkat dari gred DS51/DS52 (Pensyarah Kanan) ke gred DS54 (Professor Madya). Sekiranya ketiga-tiga penilai luar menyokong permohonan itu, pihak universiti akan terus menawarkan kenaikan pangkat kepada pensyarah berkenaan. Proses temuduga hanya akan dibuat sekiranya ketiga-tiga panel penilai tidak membuat keputusan yang sama. Saya berharap perubahan ini mendapat sokongan penuh daripada semua pihak berkaitan.
39. Setiap tahun pasti Ketua-ketua Jabatan menggaru kepala masing-masing untuk membuat penilaian LNPT untuk staf di bawah seliaan masing-masing, dan seringkali staf meminta justifikasi bagi markah yang mereka perolehi. Hal ini berlaku kerana sistem penilaian yang ada sekarang terlalu subjektif. Oleh itu sistem atau kaedah penilaian tahunan staf juga akan ditambah baik, supaya bersifat lebih objektif dan mengambil kira sumbangan staf dari pelbagai aspek. Bagi staf akademik,

kerangka penilaian berdasarkan 4-trek akan mula diguna pakai. Bagi staf bukan akademik, saya amat berharap bahawa model latihan berasaskan kompetensi (CBTM) akan dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja, dan sistem penilaian akan diselarikan dengan keperluan kompetensi tersebut.

40. Dari segi penggiliran tugas, pihak Pendaftar telah mula menempatkan staf yang lama berada di satu-satu tempat ke tempat yang baharu. Saya mohon perkara ini digiatkan dan dilihat secara menyeluruh, supaya penggiliran tugas dilaksanakan dengan baik dan saksama. Strategi penggiliran tugas adalah penting atas beberapa sebab:

- i. untuk mengelak staf daripada jemu atau terlalu selesa di mana hal ini boleh memberi kesan kepada produktiviti dan kualiti kerja
- ii. ia membantu dalam pembinaan kapasiti dan kepelbagaian serta peningkatan kemahiran staf
- iii. ia membantu dalam pelan penggantian universiti di mana melalui penggiliran, universiti boleh mengenal pasti padanan yang baik antara staf dan tugas
- iv. ia memastikan tidak ada staf di universiti ini yang "*indispensable*" atau pun merasakan mereka begitu mahir dalam sesuatu aspek kerja sehingga mereka tidak boleh diganti atau dipindahkan. Hal ini adalah sesuatu yang tidak sihat, dan boleh mewujudkan suasana kerja yang tidak positif.

41. Justeru, saya mohon pihak Pendaftar pastikan

penggiliran tugas berlaku dengan sebaik mungkin. Bagi mereka yang sudah tiba masanya untuk dipindahkan, terimalah keputusan ini dengan positif dan berlapang dada, untuk kebaikan diri tuan-tuan dan puan-puan, dan untuk UniMAP juga.

42. Selain itu, sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia- IUSHRM 2.0 juga akan dibangunkan mengambil kira beberapa aspek yang perlu ditambah baik berserta penambahan modul. Pandangan pengguna akan diambil kira untuk memastikan ia memenuhi keperluan dan bersifat mesra-pengguna. Saya dimaklumkan bahawa pengujian sistem akan dibuat sebelum versi tersebut dilancarkan, InsyaAllah.
43. John F Kennedy, bekas presiden Amerika Syarikat dalam ucapannya pernah berkata: *Ask not what your country can do for you, ask what you can do for your country.* Begitu juga dengan kita semua di UniMAP. Pada pendapat saya, banyak kemudahan dan peluang yang telah diberikan oleh UniMAP kepada warganya. Jadi, janganlah kita menjadi pihak yang sering meminta itu dan ini, dan mengharap pelbagai kemudahan daripada UniMAP, **tetapi** kita sendiri berkira-kira dan berat untuk memberi lebih daripada yang kita anggap perlu kepada organisasi tempat kita mencari rezeki.
44. Saya mahu kita semua fikirkan apakah sumbangan kita kepada UniMAP? Bagi staf akademik, apakah sumbangan yang diberi selain daripada tugas hakiki

pengajaran, penyelidikan dan sebagainya? Bagi staf bukan akademik, sejauh manakah kita telah menyumbang untuk pembangunan UniMAP, selain daripada tugas yang termaktub dalam fail meja di pejabat? Sudahkah kita menawarkan kudrat dan buah fikiran untuk membantu UniMAP membangunkan masyarakat di sekeliling kita, ataupun kita sekadar datang kerja pagi, pulang kerja petang?

45. Kepada para profesor di UniMAP, saya mempunyai permohonan yang khusus. Umum maklum profesor semua perlu “*profess*” dalam bidang masing-masing. Tetapi perlu diperingatkan bahawa di atas bahu Profesor jugalah letaknya tanggungjawab untuk berfikir bagi pihak, dan untuk UniMAP. Dalam erti kata lain, Profesor semua ialah *think-tank* ataupun golongan pemikir bagi UniMAP. Saya berharap para Profesor, samada secara individu, mahupun melalui Jemaah Profesor, tidak perlulah menunggu saya untuk menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk memberi pendapat dan pandangan, tapi tampillah ke hadapan secara sukarela untuk tujuan tersebut. InsyaAllah pihak pengurusan UniMAP sedia mendengar dan berbincang dengan para Profesor.

46. Daripada maklum balas survei yang saya terima, ramai pensyarah menyatakan kerisauan tentang kekangan dana penyelidikan dan penerbitan. Saya sangat memahami perasaan pensyarah dan penyelidik kita mengenai perkara ini. Syabas dan tahniah kepada penyelidik UniMAP yang berjaya memperolehi geran penyelidikan KPM iaitu PRGS dan FRGS baru-baru ini.

Saya dimaklumkan, fasa kali ini, UniMAP telah menerima jumlah tertinggi setakat ini dari segi bilangan penerima dan nilai geran yang diterima.

47. Selain daripada itu, bagi memastikan proses penerbitan jurnal berindeks dan berimpak tinggi dapat berjalan dengan lancar dan baik, ingin saya umumkan di sini, pihak pengurusan universiti telah meluluskan sebanyak RM 160,000 untuk membantu penyelidik UniMAP menerbitkan artikel yang berkualiti pada tahun ini. InsyaAllah, pihak Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) akan menyelaraskan perkara ini.
48. Bagi mengurangkan pergerakan staf dan pelajar untuk berurusan dengan pihak pengurusan universiti, InsyaAllah bermula awal tahun depan Bangunan Canselori akan siap sepenuhnya. Bangunan ini akan menempatkan beberapa pejabat utama seperti Pejabat Naib Canselor, Jabatan Bendahari, Jabatan Pendaftar dan lain-lain lagi. Adalah diharapkan dengan kemasukan beberapa pejabat yang penting ini ke dalam kampus Pauh Putra, sistem penyampaian dan perkhidmatan universiti akan menjadi lebih efisien dan efektif.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

HUBUNGAN STRATEGIK: AKADEMI, INDUSTRI, KOMUNITI, KERAJAAN, ALUMNI

49. Saya mengajak semua rakan-rakan di sini untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah di UniMAP dalam mod “*business unusual*”, bukan “*business as usual*”. Saya tahu terma ini pun telah menjadi retorik sebagai mana terma “IR 4.0”. Saya mahu kita semua keluar dari retorik itu dan benar-benar menghidupkan hasrat tersebut. Dalam hal ini, saya akan berusaha untuk membangunkan Konsortium TVET Negeri Perlis. Konsortium ini akan mengumpulkan kesemua pembekal TVET utama di negeri-Perlis, supaya kita semua dapat bergabung tenaga dan berkongsi kepakaran dalam usaha pemerksaan TVET di negara kita.
50. Saya maklum bahawa tanpa konsortium sebelum ini pun, telah banyak aktiviti kerjasama yang dilaksanakan antara UniMAP dan institusi lain, seperti latihan kepada tenaga pengajar, perkongsian kemahiran dan sebagainya. Tetapi dengan penekanan yang diletakkan oleh kerajaan kepada TVET pada masa kini, bayangkan impaknya jika kesemua institusi pendidikan dan latihan ini bergabung tenaga dan berkongsi sumber.
51. Kita perlu jelas - kewujudan institusi pendidikan dan pengajian tinggi di Malaysia bukan untuk bersaing sesama sendiri, ataupun obses tentang siapa yang paling bagus dan sebagainya. Kita semua wujud untuk pembangunan negara melalui latihan dan persiapan yang diberikan kepada anak bangsa. Saya yakin melalui konsortium seperti ini lebih banyak yang boleh kita capai bersama. Kita tidak perlu tunggu dan lihat apa yang orang lain buat. Kita boleh mulakan dahulu.

52. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 16 Ogos 2019, yang melibatkan UiTM, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Institut Kemahiran Mara dan Institut Latihan Perindustrian. Daripada mesyuarat ini, kita telah bersetuju untuk mengadakan aktiviti-aktiviti bersama di negeri Perlis dan berkongsi kemudahan bersama dalam kalangan ahli konsortium.
53. Berkaitan kapasiti staf di UniMAP, saya mengambil maklum tentang isu kekurangan staf akademik untuk program-program di Fakulti Kejuruteraan Teknologi. Untuk menangani masalah tersebut, usaha telah dimula dan akan diteruskan untuk menyemak dan mengagih semula staf akademik untuk memastikan proses pembelajaran tidak terganggu. Justeru, terdapat staf dari PPK, contohnya, yang perlu berpindah ke FTK untuk mengatasi masalah ini.
54. Pengagihan semula juga perlu dilakukan untuk memastikan padanan bidang antara program dan tenaga pengajar. Dalam hal ini, saya mohon supaya staf yang berkenaan memahami situasi ini dan bersedia untuk berhijrah. Saya juga memohon staf yang tidak terlibat dalam perpindahan mengambil iktibar akan hal ini - hakikatnya, kita semua perlu berdaya tahan dan mempunyai kesediaan untuk mendepani perubahan, tambahan pula dalam dunia akademik yang begitu dinamik.

55. Saya juga peka akan isu kekangan ruang fizikal dan keperluan bangunan di kampus Pauh. Hal ini sentiasa kita usulkan kepada pihak KPM dan kita sendiri dapat melihat pembangunan yang sedang giat berlaku di kampus Pauh sekarang. Insyaallah, kita berharap permohonan UniMAP untuk RMKe-12 akan diluluskan supaya kita semua dapat menikmati suasana tempat kerja yang lebih selesa. Sementara itu, saya mohon kita sama-samalah berusaha untuk menangani masalah ruang secara kreatif dan dalam suasana bertolak ansur serta saling bantu-membantu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

56. Saya mengambil maklum bahawa UniMAP mempunyai hubungan yang amat rapat dengan industri. Hampir setiap minggu, ada saja aktiviti universiti ini bersama-sama dengan industri, pada pelbagai peringkat. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang telah sama-sama bekerjasama ke arah hal ini. Terkini, Innovation Pitch and Business Matching (IPBM2019) menjadi platform untuk mempamerkan kepada industri produk dan inovasi yang dihasilkan oleh para penyelidik universiti dalam usaha memacu ekonomi negara. Penyertaan UniMAP telah mendapat tempat pertama, dan telah menerima enam “*expressions of interest*”. Bukan itu saja, malah pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) amat berharap bahawa platform tersebut diadakan setiap tahun. Syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana program ini yang diterajui oleh Pusat Pengkomersilan Harta Intelekt. (CIPC).

57. Hal ini bermakna pihak industri mempunyai keinginan untuk mengetahui produk dan inovasi di universiti yang boleh dimanfaatkan oleh mereka. Justeru, saya sarankan kita sambut cadangan mereka dan pastikan IPBM menjadi acara “*flagship*” bagi UniMAP. Sehubungan itu juga, pastikan bahawa UniMAP menghantar penyertaan yang akan boleh diterjemahkan kepada sesuatu yang konkrit yang diperlukan dan boleh digunakan oleh industri, melangkaui pingat dan sebagainya.
58. Giatkan juga usaha kolaborasi dengan industri untuk kebaikan pelajar-pelajar kita, terutama untuk memberi nilai tambah kepada mereka apabila bergraduasi kelak. Baru-baru ini UniMAP terpilih sebagai universiti MTUN pertama yang mendapat pensijilan oleh HUAWEI, untuk membangunkan *UniMAP-Huawei ICT Academy*. Kolaborasi tersebut akan memberi fokus kepada penyelidikan, pendidikan dan program latihan di mana secara khususnya UniMAP diberi lampu hijau untuk menawarkan latihan Pensijilan Huawei kepada pelajar-pelajar UniMAP. Saya mahu semua Dekan mengusahakan lebih banyak program sebegini - pelajar kita akan mempunyai pelbagai sijil dalam portfolio mereka apabila mereka bergraduasi kelak, selain daripada ijazah UniMAP. Sudah tentu hal ini memberi kelebihan bagi mereka dalam alam pekerjaan.
59. Walau bagaimanapun, saya juga mahu kita sama-sama memastikan bahawa fokus pemerksaan pelajar

tidak hanya terhad kepada ilmu teknikal. Aspek pemikiran dan manusiawi perlu juga dipupuk. Salah satu cara hal ini dapat dilakukan ialah melalui aktiviti berpusatkan sastera dan falsafah. Melalui penelitian falsafah dan pembacaan hasil sastera, pelajar dapat meneliti tentang kehidupan dan melatih pemikiran kritis dan analisis logik, selain memahami kepelbagaian pemikiran melalui pengalaman orang lain. Dalam hal ini, saya mahu UniMAP mengoptimumkan pelantikan Sasterawan Negara UniMAP iaitu Sasterawan Negara Dato Zurinah Hassan. Pastikan juga aktiviti yang dilaksanakan melibatkan staf dan pelajar daripada pelbagai bidang pengajian di UniMAP.

60. Selain industri, hubungan kita dengan rakan strategik lain juga penting, termasuklah pada peringkat antarabangsa. Kita perlu bergerak dengan lebih agresif dalam hal ini, termasuklah memastikan UniMAP mempunyai hubungan sangat intim dengan kedutaan dan wakil-wakil kerajaan luar. Ini adalah salah satu cara kita mempromosikan dan meningkatkan keterlihatan UniMAP pada peringkat antarabangsa, terutama dengan tujuan membina keyakinan pihak tersebut terhadap Malaysia.

61. Salah satu cabaran UniMAP sekarang ialah untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa, terutama bagi pengajian peringkat ijazah pertama. Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan sasaran 1000 orang pelajar antarabangsa bagi UniMAP untuk tahun 2019. Bilangan yang mendaftar di universiti sekarang ialah seramai 750 orang (data 30 Jun 2019). Jelas, kita perlu

berusaha lebih sedikit untuk memastikan lebih ramai pelajar antarabangsa mendaftar di UniMAP.

62. Kegagalan kita untuk mencapai sasaran ini akan membawa kepada beberapa implikasi dan persepsi:

- i. UniMAP belum lagi mencapai keterlihatan antarabangsa dari segi penawaran pengajian
- ii. UniMAP tidak cukup bagus untuk memenuhi permintaan antarabangsa
- iii. perkhidmatan yang diberi di UniMAP tidak mencapai tahap kualiti yang sepatutnya dan banyak lagi andaian dan persepsi yang lain.

Yang pasti, ia akan memberi gambaran yang kurang enak dan penuh persoalan. Justeru, tindakan yang terancang dalam hal ini adalah amat diperlukan.

63. Sebagai pusat penerokaan ilmu, seharusnya ilmu yang diperolehi dan yang ada di Universiti dimanfaatkan untuk pembangunan komuniti dan masyarakat serantau. Hal ini merangkumi pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan dengan segenap lapisan masyarakat, hasil daripada aktiviti keserjanaan yang dilaksanakan di UniMAP.

64. Justeru, saya mengucapkan tahniah kepada warga UniMAP yang amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk memberi sumbangan berdasarkan ilmu kepada ahli

masyarakat negeri Perlis dan sekitarnya. Sebagai contoh, Majlis Tindakan Negeri Perlis (MTNg), yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, mengiktiraf UniMAP sebagai antara agen utama dalam inisiatif pembasmian kemiskinan di negeri Perlis, melalui usaha pembangunan kapasiti dan keusahawanan golongan miskin tegar. Usaha ini perlu dipergiatkan dan saya akan sentiasa memberi sokongan kepada inisiatif seperti ini supaya keberadaan UniMAP di negeri Perlis mendatangkan kebaikan kepada semua pihak.

65. Selain itu, saya mengajak semua penyelidik dan ahli akademik mula merujuk kepada Matlamat Pembangunan Lestari atau pun *Sustainable Development Goals* (SDG) yang dipelopori oleh United Nations, baik dalam penyelidikan mahupun dalam usaha pembangunan komuniti dan serantau. Terdapat 17 matlamat atau SDG kesemuanya; antaranya ialah matlamat kesihatan dan kesejahteraan; pendidikan berkualiti; air dan tenaga bersih; kekentalan industri; bandar lestari; dan matlamat pengurangan karbon. Program Kampus Hijau UniMAP dan agenda kelestarian amatlah berpadanan dengan agenda SDG dan perlu diteruskan serta dimantapkan.
66. Justeru, semua TNC perlu memastikan terdapat kerangka kerja yang jelas yang menghubungkan aktiviti kesarjanaan UniMAP dengan SDG yang bersesuaian. Hal ini juga merangkumi penerbitan, pembangunan polisi yang berkaitan, perancangan dan pelaksanaan strategi yang efektif, dan sebagainya.

67. Sehubungan dengan matlamat SDG juga, inisiatif perlu dibangunkan ke arah pemeraksanaan agenda Masyarakat 5.0. Sebagai universiti teknikal, saya fikir UniMAP tiada pilihan lain kecuali terlibat secara langsung dalam pembangunan agenda ini. Saya minta segera dibangunkan kumpulan yang dapat memulakan inisiatif mengintegrasikan kehidupan seharian di UniMAP khususnya, dan negeri Perlis umumnya, dengan teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence*.

IR 4.0

68. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, universiti amat ghairah berbincang tentang Revolusi Industri 4.0. Pelbagai persidangan, kertas dasar, forum dan sebagainya diwujudkan untuk membincangkan perihal IR 4.0, impaknya dan tindakan yang perlu diambil oleh universiti. Hari ini, saya ingin mengajak warga UniMAP untuk sama-sama mendalami konsep Revolusi Industri 4.0. Apa itu sebenarnya IR 4.0?

69. Menurut pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution*, Revolusi Industri Keempat ini ditandai dengan kemunculan *supercomputer*, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak. Dalam erti kata lain, hidup manusia akan dipermudahkan dengan bantuan robot yang bakal menjadi "kawan" untuk menguruskan hal ehwal dan tugas harian.

70. Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan data raya, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan penstoran awan (*cloud*) yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden. Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Kejayaan GRAB (berasaskan aplikasi My Teksi) yang dihasilkan rakyat Malaysia adalah contoh kebergantungan kepada teknologi internet ini. Rakyat Malaysia sudah bersedia untuk menjadi pemain dan penggerak revolusi baharu ini.
71. IR 4.0 sangat berkait rapat dengan saya, bukan hanya kerana nama saya mempunyai IR dan R, malah bidang ini merupakan antara fokus penyelidikan saya. Hari ini, saya ingin berkongsi dengan warga UniMAP sekalian mengenai penyelidikan yang telah saya lakukan bersama pasukan penyelidik yang lain berkaitan dengan IR 4.0. Di antaranya, kajian saya mengenai tenaga yang efisien untuk jaringan sensor tanpa wayar (*wireless sensor network*), pengurusan spektrum frekuensi yang optimum dan pengurusan rangkaian komputer yang efektif. Penggunaan kaedah-kaedah terkini dan teknologi IR 4.0 ini telah memberi banyak manfaat dalam pelbagai sektor terutamanya telekomunikasi, proses pengesanan, pengelasan objek dan pengangkutan.
72. Di UniMAP sendiri, inovasi pengajaran-pembelajaran berasaskan teknologi telah digiatkan melalui penawaran

kursus secara teradun dan secara MOOC, malah kursus TITAS dan Hubungan Etnik telah pun menggunakan MOOC sepenuhnya. Kita juga telah mewujudkan Ruang Pembelajaran Interaktif di beberapa pusat pengajian bagi menjayakan lagi konsep pembelajaran berteraskan IR4.0. Kita berharap kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran-pembelajaran, terutama yang memanfaatkan teknologi terkini akan memantapkan kualiti program UniMAP.

73. Saya juga mengambil maklum bahawa penyelidik UniMAP juga giat melaksanakan kajian dan penyelidikan yang berpusatkan IR4.0 juga - tahniah juga saya ucapkan. Walau bagaimanapun, apa yang jelas pada saya, dari segi pelaksanaan dalam kehidupan seharian kita di UniMAP, IR4.0 masih sekadar retorik dan memerlukan pendekatan yang lebih agresif untuk kita benar-benar merasakan impaknya di UniMAP.

74. Kita sepatutnya telah mula menggunakan sistem tanpa-tunai (*cashless system*), aplikasi yang memberi manfaat kepada pelajar dalam soal akses kepada maklumat, fasilitasi pelajar baharu dan pelawat universiti, dan dalam perkhidmatan rutin lain seperti rekod kehadiran ke mesyuarat, rekod penerimaan surat dan sebagainya. Penggunaan skrol dan transkrip elektronik yang mempunyai tahap keselamatan menggunakan teknologi “BLOCKCHAIN” sepatutnya juga perlu diperkenalkan segera.

75. Justeru, satu kerangka *smart campus* akan

dibangunkan dengan kadar segera, di mana kerangka tersebut akan digunakan untuk membangunkan UniMAP sebagai satu “*mini smart city*”. Objektif utama inisiatif ini ialah untuk mengukuhkan kemudahan universiti dan pengalaman pembelajaran bagi warga UniMAP, terutama sekali pelajar-pelajar universiti ini. Pelaksanaan akan dibuat secara progresif dan berperingkat, dan saya minta semua warga UniMAP bersedia untuk melalui transformasi ini. Yang pasti, pelaksanaan ini akan melibatkan semua warga UniMAP dalam kebanyakan urusan mereka di universiti ini. InsyaAllah, usaha ini boleh dibuat seiring dengan aplikasi pintar dengan mesyarakat sekitar UniMAP juga. Dalam hal ini juga, penglibatan industri mungkin diperlukan supaya bidang kepakaran dapat dikongsi bersama ke arah pelaksanaan yang berkesan.

76. Sekiranya kemudahan internet tidak meluas dan kelajuannya yang terhad, apakah ertinya IR 4.0 kepada universiti ini. Saya sangat memahami rintihan dan keluhan daripada staf dan pelajar mengenai kemudahan internet sedia ada di universiti ini. Saya percaya, kemudahan Internet yang terbatas, secara langsung akan menjejaskan perkembangan Revolusi Industri 4.0 untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, saya telah mengarah Pengarah Pusat Teknologi Maklumat untuk meluaskan capaian internet di semua kampus dan meningkatkan kelajuan internet secara berperingkat. Selepas ini, warga UniMAP akan menikmati kemudahan internet yang lebih baik, Insyallah.

Nilai

77. Kita semua maklum hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya nilai-nilai murni diterapkan di semua institusi pendidikan negara. Nilai utama kasih-sayang, kegembiraan dan saling hormat-menghormati (*love, happiness, mutual respect*) perlu menjadi paksi dalam segala tindak-tanduk warga universiti - itu hasrat Menteri. Saya amat berharap bahawa hasrat ini tidak dilihat sebagai satu retorik politik oleh warga UniMAP. Sebaliknya, ia satu pesanan dan amanah kepada kita semua dalam menjalani kehidupan seharian terutama apabila kita berinteraksi dengan warga di universiti, baik dalam kalangan pelajar mahupun staf daripada pelbagai peringkat.
78. Kebelakangan ini, rakyat Malaysia didedahkan kepada berita tentang ketirisan integriti dalam kalangan staf mahupun pelajar universiti, secara amnya. Antara contoh ialah salah guna kuasa oleh pensyarah, penipuan ijazah, penipuan pelbagai bentuk dalam proses penulisan dapatan kajian, penggunaan nama dalam penerbitan kertas kerja dan sebagainya. Bagi para pelajar pula, antara isu melibatkan kompromi terhadap integriti dalam kalangan pelajar ialah isu plagiat dalam tugas yang dilaksanakan dan sebagainya.
79. Ketirisan integriti tidak boleh diambil mudah, malahan tidak boleh dibenarkan berlaku dalam kalangan warga universiti. Hal ini mengambil kira bahawa

universiti ialah institusi pendidikan yang mulia, dan sepatutnya menjadi satu tempat di mana integriti dipertahankan sepenuhnya. Pihak awam sepatutnya boleh meletakkan seratus peratus kepercayaan kepada apa sahaja yang berkaitan universiti.

80. Justeru, saya mohon supaya semua kita bekerja dengan penuh integriti dalam segala aspek dalam melaksanakan tugas seharian, dari sekecil-kecil perkara sehingga tanggungjawab yang besar. Saya amat menggemari mereka yang kuat bekerja, memberikan hasil yang berimpak tinggi, bertindak balas dengan pantas dan rajin. Termasuklah sebagai contoh, dalam hal kita mendaftar untuk masuk kerja setiap hari.
81. Sebagai menyahut cadangan daripada kakitangan akademik supaya masa kerja mereka yang lebih fleksibel seperti yang diamalkan di universiti lain, Insyallah sistem "*touch*" yang diguna sekarang akan ditambah baik, di mana setiap staf akademik hanya perlu *touch* sekali sahaja setiap hari (dalam masa waktu kerja) di tempat lantikan hakiki. Pengecualian *touch* di pejabat hakiki adalah hanya untuk staf lantikan bersama, dan staf yang menghadiri mesyuarat di lokasi lain pada awal pagi. Tempoh percubaan ini saya berikan sehingga akhir tahun ini.
82. Sekiranya pengecualian ini memberi impak negatif kepada pihak universiti, saya tidak teragak-agak untuk membatalkannya pada tahun hadapan. Selain daripada

memenuhi keperluan memantau keberadaan staf, proses ini juga melatih kita semua dalam soal disiplin dan memelihara integriti. Sehubungan aspek integriti juga, UniMAP akan membangunkan Dasar Tatatertib dan Salah Laku Staf Akademik. Walaupun begitu, adalah besar harapan saya bahawa tiadalah kes yang perlu merujuk kepada dasar tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan,

83. Apabila saya kembali ke UniMAP sebagai Naib Canselor, UniMAP telah pun mula bergerak di atas landasan Pelan Strategik UniMAP 2025 dan berada dalam pelaksanaan Fasa 1 pelan tersebut. Alhamdulillah, Fasa 1 pelan ini akan berakhir pada hujung tahun ini. Saya telah mempengerusikan mesyuarat suku kedua JK Pemandu UniMAP 2025, dan saya dapati walaupun banyak yang telah dicapai, terdapat juga ruang untuk penambahbaikan, berdasarkan pencapaian penunjuk prestasi yang ditetapkan serta makluman daripada Ketua Strategi serta urusetia UniMAP 2025 sendiri.
84. Justeru, semakan semula UniMAP 2025 akan dilaksanakan pada bulan November ini, bertujuan untuk meneliti semula fokus dan halatuju UniMAP bermula tahun 2019. Semakan ini adalah sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan yang amat penting untuk universiti memandangkan sektor pendidikan tinggi

ialah satu sektor yang amat dinamik dan sentiasa menuntut kepada tindakan proaktif dan reaktif.

85. Sejak penubuhan UniMAP 17 tahun yang lalu, kita telah berkembang dan bidang tugas setiap jabatan di UniMAP juga semakin besar skopnya. Kita dapati ada pertindanan dalam operasi beberapa jabatan, ada jabatan yang mungkin sudah “*obsolete*” dan ada juga yang perlu disemak semula bidang tugasnya. Tambahan pula, ada keperluan untuk kita mengamalkan pengurusan kejut (*lean management*) dan mengurangkan karenah birokrasi supaya semua operasi menjadi lebih efektif dan efisien.
86. Sehubungan itu, saya telah menubuhkan sebuah pasukan petugas (*taskforce*) untuk menyemak struktur organisasi sedia ada UniMAP, dan mencadangkan struktur yang baharu yang dapat memenuhi kriteria yang saya sebutkan sebentar tadi. Saya difahamkan usaha tersebut telah bermula dan beberapa sesi *townhall* dengan warga UniMAP akan diadakan untuk tujuan ini supaya proses penambahbaikan mendapat input bukan sahaja dari *top-down* tetapi juga *bottom-up*. UniMAP perlu mendengar suara tuan-tuan dan puan-puan supaya kita dapat maju ke hadapan. InsyaAllah, kita mensasarkan struktur organisasi baharu ini akan berkuatkuasa pada Januari 2020.
87. Keperluan semakan semula strategi UniMAP dan struktur organisasi universiti ini mengambil kira perubahan persekitaran dan tuntutan semasa. Walau

bagaimanapun, bukan semua perkara perlu ditukar. Tradisi UniMAP harus dikekalkan kerana sebagaimana budaya melambangkan bangsa, begitu jugalah hubung kait tradisi UniMAP dengan identiti kita.

88. Berkuat kuasa serta merta, saya menggalakkan supaya pakaian F1 UniMAP di pakai pada setiap hari Rabu sementara jaket UniMAP dipakai pada majlis-majlis tertentu yang akan dimaklumkan. Perlambangan UniMAP bukan saja harus dikekalkan tetapi juga diperkukuhkan kerana ia menggambarkan kebanggaan kita terhadap UniMAP.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

89. Sebagai kesimpulan, saya mengajak semua rakan-rakan di UniMAP bergabung usaha dan tenaga dalam memastikan bahawa:

- i. Agenda pembangunan pelajar dilaksanakan dalam kerangka pemerksaan yang memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran pelajar, baik dari segi ilmu teknikal, mahupun dalam aspek manusiawi;
- ii. UniMAP bukan sekadar tempat kita semua bekerja mencari rezeki tetapi juga sebuah institusi di mana kita menyumbang dalam apa bentuk sekalipun untuk kesejahteraan semua;
- iii. UniMAP akan mendepani usaha transformasi digital, bukan sahaja untuk manfaat dalam kampus tetapi juga untuk agenda pembangunan Masyarakat 5.0, terutama bagi negeri Perlis;

- iv. UniMAP menjadi rujukan sebagai institusi TVET tersohor;
- v. UniMAP sebagai sebuah institusi TVET dan penerokaan ilmu bukan hanya terserlah keterlihatannya pada perspektif pihak industri mahupun rakan strategik lain, tetapi juga dirasai keberadaannya terutama oleh komuniti setempat;
- vi. Usaha mengajak alumni “kembali ke UniMAP” untuk menyumbang secara substantif perlu digerakkan secara agresif; dan akhir sekali
- vii. Dalam interaksi seharian, kita semua memegang teguh kepada adab dan integriti, dan didasari oleh nilai teras UniMAP - ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN.

90. Untuk menutup syarahan ini, izinkan saya berpantun sedikit:

Wangi berseri pandan Betawi,
Ruwet diihat di negeri Langkat;
Imbangi industri dengan manusiawi,
TVET memahat revolusi keempat.

Joran tenggiri bertangsi lawi,
Diseret kerapu ke tengah batu;
Kemahiran tinggi aspirasi pertiwi,
TVET dipacu megah ke mercu.

Sekian, terima kasih.